

SINAR  
14/2/2023

## Domino's Pizza, UTHM meterai MoU program Jana Kerjaya

**KUALA LUMPUR** - Domino's Pizza menjalin kerjasama dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam program Jana Kerjaya - Belajar Sambil Bekerja (BSB) bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja melalui Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Domino's Pizza Malaysia, Shamsul Amree Ab Rahman dan Naib Canselor UTHM, Profesor Ts Dr Ruzairi Abdul Rahim di sebuah pusat beli-belah di sini pada Khamis.

Shamsul Amree berkata, inisiatif pembelajaran sambil bekerja di bawah program tersebut adalah selaras dengan aspirasi syarikat untuk mewujudkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkebolehan.

"Kerjasama ini membantu membuka pintu peluang kepada pekerja Domino's Pizza untuk memenuhi impian dan potensi penuh mereka.

"Selain itu, misi kami adalah untuk menjadi Restoran Perkhidmatan Pantas (QSR) dengan tujuan mendekatkan orang ramai melalui piza.

"Tentunya kami mahu pekerja ber-



**Shamsul Amree (lima dari kanan) dan Ruzairi (lima dari kiri) pada Majlis MoU antara Domino's Pizza dan UTHM pada Khamis.**

kembang maju dengan menyertai syarikat ini. Domino's Pizza akan membantu mereka melanjutkan kerjaya yang membolehkan mereka belajar sambil bekerja, perolehan pendapatan lebih dan paling penting pekerja mempunyai lebih banyak KASH iaitu pengetahuan, sikap, kemahiran, dan tabiat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis MoU Kerjasama antara Domino's Pizza dan UTHM.

Sementara itu, Ruzairi berkata, sebagai

permulaan kerjasama antara Domino's Pizza menawarkan dua kursus TVET Technopreneur bagi memastikan mereka diberi peluang dalam pembinaan kerjaya melalui Program Jana Kerjaya - BSB.

"Melalui kursus tersebut, pekerja Domino's Pizza berpeluang untuk menyambung pengajian ke program Sarjana Muda Teknologi Perkhidmatan Makanan melalui kaedah *credit transfer* dan laluan APEL A/C," jelasnya.

Selain itu, katanya, kerjasama ter-

sebut memberi peluang kepada pelajar dalam bidang Sarjana Muda Teknologi Perkhidmatan menjalani pembelajaran berasaskan kerja (WBL) di Dominos Pizza selama setahun," ujarnya.

Beliau berkata, kerjasama itu juga memberi peluang kepada pekerja Domino's yang berkecenderungan untuk menyambung pengajian dalam program baharu yang bakal ditawarkan pada Oktober ini iaitu Sarjana Muda Industri Perkhidmatan Makanan.